



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, DISEMBER 2023

Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan sebanyak 4.2 peratus untuk merekodkan RM149.9 bilion pada Disember 2023

PUTRAJAYA, 7 Februari 2024 - Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan sebanyak 4.2 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan RM149.9 bilion pada Disember 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Disember 2023** pada hari ini.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, berkata, "Nilai jualan sektor Pembuatan susut 4.2 peratus kepada RM149.9 bilion pada Disember 2023 (November 2023: -2.6%), merekodkan penurunan terbesar sejak Mei 2020 (-20.4%). Kejatuhan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh penurunan berterusan dalam subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik sejak Jun 2023, mencatatkan negatif 13.6 peratus pada Disember 2023 (November 2023: -10.8%). Tambahan lagi, subsektor Peralatan elektrik & elektronik menurun 4.6 peratus (November 2023: -5.3%) manakala subsektor Makanan, minuman & tembakau menyusut 2.6 peratus (November 2023: 2.0%). Berbanding bulan sebelumnya, nilai jualan menguncup 3.3 peratus berbanding RM155.0 bilion yang direkodkan pada November 2023 (-1.1%)."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili hampir 70 peratus daripada jumlah jualan, terus merosot sebanyak 8.4 peratus pada Disember 2023 selepas menguncup 6.9 peratus pada November 2023. Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh kejatuhan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis pada negatif 24.9 peratus, diikuti oleh Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-8.6%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-4.8%).

Sebaliknya, industri berorientasikan domestik terus kukuh dengan merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 6.7 peratus pada Disember 2023 (November 2023: 8.8%) disokong terutamanya oleh pengembangan kukuh dalam Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan sebanyak 11.5 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler mengalami pertumbuhan 8.0 peratus manakala Pembuatan produk pemprosesan makanan meningkat

6.8 peratus. Perbandingan asas bulan ke bulan, industri berorientasikan kedua-dua eksport dan domestik masing-masing menurun 3.9 peratus dan 1.8 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menambah, “Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.37 juta orang pada Disember 2023, meningkat 1.7 peratus berbanding 2.34 juta orang yang dicatatkan pada Disember 2022. Pertambahan tersebut sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (5.9%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (2.3%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (2.2%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini menurun sedikit 0.1 peratus.”

Pada masa yang sama, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM8.7 bilion pada Disember 2023. Berbanding November 2023, gaji & upah yang dibayar meningkat 7.3 peratus berbanding dengan pertumbuhan kecil 0.04 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Selain itu, nilai jualan bagi setiap pekerja menurun 5.8 peratus untuk merekodkan RM63,121 manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja pada Disember 2023 adalah RM3,683 yang meningkat sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun.

Pada suku tahun keempat 2023, nilai jualan sektor Pembuatan terus menyusut untuk tiga suku tahun berturut-turut, menurun 2.7 peratus tahun ke tahun untuk mencapai RM461.5 bilion (ST3 2023: -2.9%). Kemerosotan tersebut disebabkan oleh subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (-11.2%); dan Peralatan elektrik & elektronik (-4.2%). Sebaliknya, bilangan pekerja dan gaji & upah pada suku tahun berkenaan, masing-masing menyederhana kepada 1.7 peratus (ST3 2023: 2.4%) dan 2.9 peratus (ST3 2023: 3.0%).

Bagi merumuskan prestasi keseluruhan tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM1.8 trilion, meningkat marginal sebanyak 0.2 peratus berbanding tahun 2022 (15.8%). Pada tahun berkenaan, bilangan pekerja menokok sebanyak 1.7 peratus untuk merekodkan seramai 2.37 juta orang dengan gaji & upah meningkat 3.5 peratus kepada RM97.8 bilion. Selanjutnya, nilai jualan per pekerja mencatatkan penyusutan 1.5 peratus, berjumlah RM759,735.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Disember 2022 - Disember 2023**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,
November dan Disember 2023**




Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Disember 2022 - Disember 2023




Carta 4: Pertumbuhan Nilai Jualan dalam Sektor Pembuatan



Carta 5: Pertumbuhan Bilangan Pekerja dalam Sektor Pembuatan



Carta 6: Pertumbuhan Gaji & Upah dalam Sektor Pembuatan



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 FEBRUARI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA, DECEMBER 2023

The sales value of the Manufacturing sector registered a decline of 4.2 per cent to record RM149.9 billion in December 2023

PUTRAJAYA, 7 February 2024 – The sales value of the Manufacturing sector registered a decline of 4.2 per cent year-on-year to record RM149.9 billion in December 2023. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Monthly Manufacturing Statistics, Malaysia, December 2023**.

Commenting on the latest Manufacturing sales performance, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said, “The sales value of the Manufacturing sector fell by 4.2 per cent to RM149.9 billion in December 2023 (November 2023: -2.6%), marking the largest decline since May 2020 (-20.4%). The decrease was primarily influenced by the continuous decline in the Petroleum, chemical, rubber & plastic products sub-sector since June 2023, registering a negative 13.6 per cent in December 2023 (November 2023: -10.8%). Moreover, the Electrical & electronics products sub-sector dropped by 4.6 per cent (November 2023: -5.3%) while the Food, beverages & tobacco sub-sector slipped by 2.6 per cent (November 2023: 2.0%). As compared to the preceding month, the sales value shrank by 3.3 per cent as against RM155.0 billion recorded in November 2023 (-1.1%).”

The sales value of export-oriented industries which representing nearly 70 per cent of total sales, further declined by 8.4 per cent in December 2023 after shrinking by 6.9 per cent in November 2023. The decrease was predominantly attributable to the drop in the Manufacture of coke & refined petroleum products at negative 24.9 per cent, followed by the Manufacture of vegetable & animal oils & fats (-8.6%); and the Manufacture of computer, electronics & optical products (-4.8 %).

Nevertheless, the domestic-oriented industries remained upbeat by recording a positive growth of 6.7 per cent in December 2023 (November 2023: 8.8%) primarily underpinned by the sturdy expansion in the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment at 11.5 per cent. Additionally, the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers experienced a growth of 8.0 per cent; while the Manufacture of food processing products increased by 6.8 per cent. On a

month-on-month basis, both export and domestic-oriented industries dropped by 3.9 per cent and 1.8 per cent respectively.

Commenting on the number of employees, the Chief Statistician Malaysia added, "The Manufacturing sector engaged 2.37 million persons in December 2023, an increase of 1.7 per cent as compared to the 2.34 million persons registered in December 2022. The addition was largely contributed by the Food, beverages & tobacco (5.9%); Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (2.3%); and Wood, furniture, paper products & printing (2.2%) sub-sectors. As compared to the preceding month, the number of employees in this sector declined marginally by 0.1 per cent."

On the same note, the salaries & wages paid in the Manufacturing sector also posted an increase of 2.1 per cent year-on-year, amounting to RM8.7 billion in December 2023. As compared to November 2023, the salaries & wages paid grew by 7.3 per cent as against the slight growth of 0.04 per cent registered in the preceding month. Furthermore, the sales value per employee decreased by 5.8 per cent to record RM63,121 while the average salaries & wages per employee in December 2023 was RM3,683 which rose by 0.5 per cent year-on-year.

In the fourth quarter of 2023, the sales value of the Manufacturing sector continued to decelerate for three consecutive quarters, declining by 2.7 per cent year-on-year to reach RM461.5 billion (Q3 2023: -2.9%). The decrease was attributed to the Petroleum, chemical, rubber & plastics products (-11.2%); and Electrical & electronics products (-4.2%) sub-sectors. On the other hand, the number of employees and salaries & wages paid during the quarter slowed down to 1.7 per cent (Q3 2023: 2.4%) and 2.9 per cent (Q3 2023: 3.0%) respectively.

Summarising the overall performance for the year 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The sales value of the Manufacturing sector reaching RM1.8 trillion, increased marginally by 0.2 per cent as against 2022 (15.8%). During the year, the number of employees increased by 1.7 per cent to record a total of 2.37 million persons while salaries & wages rose by 3.5 per cent to RM97.8 billion. Moreover, the sales value per employee registered a decline of 1.5 per cent, amounting to RM759,735."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721*
- ii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.*

**Chart 1: Sales Value of the Manufacturing Sector, Malaysia
December 2022 – December 2023**



**Chart 2: Growth of Sales of Manufacturing by Sub-sector, Malaysia,
November and December 2023**




Chart 3: Sales Value of the Export and Domestic-oriented Industries for Manufacturing Sector, Malaysia, December 2022 – December 2023




Chart 4: The Growth for Sales Value of the Manufacturing Sector




Chart 5: The Growth for Number of Employees of the Manufacturing Sector





Chart 6: The Growth for Salaries & Wages of the Manufacturing Sector



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7 FEBRUARY 2024**